

**KENYATAAN JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN: 01/JMM/63/65 – 2022

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Muzium-Muzium akan mengadakan jualan secara tawaran awam harta benda Kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti yang dinyatakan dibawah:

SEBUAH (1) KENDERAAN – MITSUBISHI MAGNA EXECUTIVE SALOON BG2300

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan Borang Penyertaan Jualan Secara Tawaran Awam semasa waktu pejabat ditempat berikut:

Bahagian Pentadbiran
Jabatan Muzium-Muzium
Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara
Jalan Dewan Majlis
Negara Brunei Darussalam

TARIKH TUTUP TAWARAN: 25 JANUARI 2022 (HARI SELASA) JAM 2.00 PETANG

Syarat-syarat tawaran:

1. Barangan / kenderaan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
2. Pihak penender / syarikat adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barangan / kenderaan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran.
3. Pihak penender / syarikat yang berminat bolehlah mendapatkan Borang Penyertaan Tawaran Lelong yang telah disediakan di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat sahaja.
4. Borang Penyertaan Tawaran Lelong yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk 'JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM, BILANGAN: 01/JMM/63/65 – 2022' dan mesti dicop terima oleh Bahagian Pentadbiran terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lelong yang telah disediakan.

5. Tarikh tutup tawaran adalah pada HARI SELASA 25 JANUARI 2022 JAM 2.00 PETANG. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan oleh pihak Jabatan.
6. Setiap satu (1) borang penyertaan tawaran lelong hanya mengandungi satu (1) tawaran sahaja. Harga indikasi adalah harga yang dijadikan sebagai garispandu harga tawaran permulaan sahaja.
7. Borang Penyertaan Tawaran Lelong adalah dikenakan dengan harga sebanyak B\$5.00 setiap satu borang dan wang pembayaran tersebut tidak akan dikembalikan.
8. Pihak penender atau syarikat yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh tiga (3) hari waktu pejabat selepas dimaklumkan / pemberitahuan. Jika gagal menjelaskannya maka barangan / kenderaan berkenaan akan ditawarkan kepada penender / syarikat yang lain.
9. Pihak penender / syarikat yang telah berjaya hendaklah dengan SEGERA MEMINDAHKAN barangan / kenderaan tersebut TIDAK LEWAT TUJUH (7) HARI selepas pembayaran dibuat dan pihak Jabatan Muzium-Muzium tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.
10. Jika pihak penender / syarikat yang telah berjaya, GAGAL MEMINDAHKAN barangan / kenderaan tersebut dalam tempoh TUJUH (7) HARI selepas membuat pembayaran, barangan / kenderaan berkenaan akan menjadi HAK MILIK Jabatan semula dan berhak untuk melelong semula barangan / kenderaan berkenaan. Pembayaran wang yang telah dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.
11. Pihak penender / syarikat adalah dikehendaki untuk membaca dan memahami dengan jelas keseluruhan isi kandungan, syarat-syarat atau butiran-butiran yang terkandung di LAMPIRAN A.
12. Pihak penender / syarikat yang tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat atau butiran-butiran yang terkandung di Lampiran A ini tidak akan dilayan atau dipertimbangkan dengan serta-merta.
13. Jabatan Muzium-Muzium berhak menerima atau menolak mana-mana pihak penender / syarikat pada bila-bila masa tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada pihak penender / syarikat yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Jabatan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada penender / syarikat yang terlibat.
14. Pihak Jabatan Muzium-Muzium adalah tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran penender / syarikat.
15. Keputusan Jabatan Muzium-Muzium adalah **MUKTAMAD** dan tidak diperlukan untuk memberi sebab atau alasan penolakan kepada mana-mana pihak penender / syarikat.